

## SULH, PERUNDINGAN (BIASA), HAKAM DAN TIMBANGTARA / PERBICARAAN

### a. SULH

- Mudah diadakan – *dibuat atas kehendak bersama dan sukarela*
- Sukarela (bebas mengambil bahagian & bebas tidak membuat keputusan) – *perbincangan melihat kepada kepentingan dan keperluan pihak-pihak hasilnya penyelesaian secara damai*
- Rahsia (antara pihak-pihak dan pegawai sulh sahaja) – *isu perbincangan adalah fokus masa depan*
- Mempermudah (pegawai sulh hanya membantu dan memandu perundingan tetapi pihak-pihak yang membuat keputusan) – *proses tidak formal dan fleksibel serta pihak-pihak menyertai perbincangan sepenuhnya*

### b. PERUNDINGAN (BIASA)

- Pihak-pihak tidak sama kuat dan biasanya terputus-putus
- Tiada pihak yang memandu dan mengatur / mengurus perundingan
- Terdedah kepada banyak faktor luar

### c. HAKAM

- Pihak-pihak menyerahkan sepenuhnya kepada (hakam) untuk membuat keputusan bagi pihak mereka

### d. TIMBANGTARA DAN PERBICARAAN

- Bersifat permusuhan (keterangan yang diberi untuk menegakkan hak masing-masing sahaja)
- Keputusan penimbangan / hakim
- Fokus masa lampau – *apa yang telah berlaku*
- Proses formal – *ada prosedur khas*
- Penyertaan pihak-pihak adalah terhad sesuai dengan prosedur yang ada

### KELEBIHAN SULH

- Dapat menjimatkan kos dan masa pihak-pihak.
- Perundingan adalah bersifat terpimpin bukannya dominasi sebelah pihak.
- Perundingan melihat kepentingan masa akan datang pihak-pihak bukannya mengungkit dan menyalahkan pihak lain.
- Penyelesaian secara terbuka dan sukarela (keredhaan) bukannya melepaskan dendam.

### NOTA PERINGATAN

*Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding Mahkamah.*

### HUBUNGI KAMI DI :

**Mahkamah Rayuan Syariah / Tinggi Syariah /  
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Melaka**

#### Tengah

Lot 2434, Blok D,  
Kompleks Mahkamah Melaka,  
Lebuh Ayer Keroh, 75450 Melaka.  
Tel. : 06-2332061 / 2313903  
Faks : 06-2313913

**Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin**

Kompleks Pejabat Agama dan Mahkamah  
Syariah Jasin,  
Daerah Jasin,  
77000 Jasin, Melaka.  
Tel. : 06-5295721  
Faks : 06-5295758

**Mahkamah Rendah Syariah Daerah Alor Gajah**

78000 Alor Gajah, Melaka.  
Tel. : 06-5561797  
Faks : 06-5561837



MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA



محكمة شرعية نكوي ملاك  
**MAHKAMAH SYARIAH  
NEGERI MELAKA**



# SULH



## DEFINISI

Sulh merupakan suatu proses di mana pihak-pihak yang terlibat di dalam suatu pertikaian terhadap satu atau beberapa tuntutan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka, dipanggil dan dipertemukan di dalam suatu majlis perundingan dipimpin secara rasmi, yang diatur oleh mahkamah berdasarkan prosedur tertentu, dan seandainya perdamaian tercapai, ianya akan dikeluarkan sebagai suatu perintah mahkamah tanpa perlu melalui proses perbicaraan biasa.

## ASAS PERLAKSANAAN

### Firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

*“Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya”*

(Surah al-Hujrat : 9)

### Firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

*“Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya nusyuz (kebencian) atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai)”*

(Surah an-Nisa' : 128)

### Sabda Nabi S.A.W. yang bermaksud :

*“Perdamaian (sulh) itu diharuskan (dalam urusan) di antara kaum Muslimin, kecuali sulh dalam hal mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan sesuatu yang haram”*

(Hadis Riwayat at-Tarmizi dan beliau menilainya Sahih – Kitab Subul as-Salam)

## PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- ♦ Seksyen 99 – Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Melaka (2002)
- ♦ Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Melaka 2004 (KTMSM04)
- ♦ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Melaka 2002 (EUKIM02)

## TUNTUTAN & PERMOHONAN YANG BOLEH MELALUI PROSES SULH

Antara tuntutan atau permohonan yang boleh diselesaikan melalui kaedah Sulh adalah :

- Tuntutan kerana melanggar janji untuk berkahwin / pertunangan (Seksyen 15 EUUKIM 2002)
- Tuntutan-tuntutan berbangkit dari suatu perceraian seperti :
  - ♦ Muta'ah (Seksyen 58 EUUKIM 2002)
  - ♦ Nafkah Iddah (Seksyen 66 EUUKIM 2002)
  - ♦ Nafkah Tertunggak (Seksyen 70 EUUKIM 2002)
  - ♦ Harta Sepencarian (Seksyen 122 EUUKIM 2002)
  - ♦ Hutang Maskahwin (Seksyen 59 EUUKIM 2002)
  - ♦ Hal-hal lain yang difikirkan munasabah
- Tuntutan Hak Jagaan Anak (Hadanah) dengan melihat kepentingan anak-anak tersebut dalam tempoh perkahwinan mahupun selepas perceraian (Seksyen 82 EUUKIM 2002)

- Tuntutan Nafkah Anak (Seksyen 73, 74, 75, 76, 78 EUUKIM 2002)
- Permohonan Perlaksanaan Perintah Mahkamah

## FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN SULH BERJAYA

- Kedua-dua pihak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan tuntutan di luar mahkamah.
- Kedua-dua pihak sedia memberi dan menerima serta bersedia berunding secara ikhlas dan terbuka bukannya secara emosi / membalas dendam.
- Kedua-dua pihak sedar bahawa penyelesaian adalah bagi kepentingan-kepentingan di masa hadapan.
- Kedua-dua pihak sedar pro dan kontra jika kes dibawa kepada perbicaraan.

## FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN SULH GAGAL

- Salah satu pihak atau kedua-duanya tidak ada keupayaan untuk membuat sebarang keputusan.
- Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada komitmen sebenar untuk menyelesaikan pertikaian.
- Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada persediaan sewajarnya.
- Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada maklumat untuk membuat keputusan.

## CARTA ALIRAN PROSES SULH

